# PEK PRABAYAR KHAS
# PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA (PI1M)

| Bil. | Soalan/Jawapan |
|---|---|
| **S1** | **Apakah Pek Prabayar Khas PI1M?** |
| J1 | Pek Prabayar Khas PI1M ialah produk yang berkonsepkan "bayar, pek dan pos" di mana pelanggan boleh membelinya terlebih dahulu di Pusat Internet 1 Malaysia berdekatan, kemudian masukkan item ke dalamnya dan pos di mana-mana kaunter Pos Laju. Pek Prabayar Khas PI1M memberi kemudahan kepada pelanggan serta dapat menjimatkan kos untuk pengeposan item di dalam Malaysia dengan had berat 1 kg.<br>Terdapat 2 jenis Pek Prabayar Khas PI1M seperti di bawah : |

| Jenis/Warna | Kawasan Liputan | |
|---|---|---|
| | **Asal** | **Destinasi** |
| **Merah** | Semenanjung Malaysia | Semenanjung Malaysia |
| | Sabah | Sabah |
| | Sarawak | Sarawak |
| | **Asal** | **Destinasi** |
| **Biru** | Semenanjung Malaysia | Sabah / Sarawak |
| | Sabah / Sarawak | Semenanjung Malaysia |
| | Sabah | Sarawak |
| | Sarawak | Sabah |

*Nota :
**Pek Prabayar Merah** : Dalam Semenanjung, Dalam Sarawak and Dalam Sabah
**Pek Prabayar Biru** : Antara Sabah & Sarawak, Antara Semenanjung Malaysia & Sarawak, Antara Semenanjung Malaysia & Sabah

| | |
|---|---|
| **S2** | **Berapakah harga, had berat dan kawasan penghantaraan bagi Pek Prabayar Khas PI1M?** |

J2

| Pek Prabayar Khas PI1M Merah | | | |
|---|---|---|---|
| **Harga (RM)** | 7.42 | | |
| **Anggaran berat isi kandungan (kg)** | 1kg | | |
| **Kawasan Liputan** | **Asal** | | **Destinasi** |
| | Semenanjung Malaysia | → | Semenanjung Malaysia |
| | Sabah | → | Sabah |
| | Sarawak | → | Sarawak |

| Pek Prabayar Khas PI1M Biru | | | |
|---|---|---|---|
| **Harga (RM)** | 13.78 | | |
| **Anggaran berat isi kandungan (kg)** | 1kg | | |
| **Kawasan Liputan** | **Asal** | | **Destinasi** |
| | Semenanjung Malaysia | → | Sabah/Sarawak |
| | Sabah/Sarawak | → | Semenanjung Malaysia |
| | Sabah | → | Sarawak |
| | Sarawak | → | Sabah |

*Penjualan sekarang mengikut harga promosi RM7.42 (Merah) dan RM13.80 (Biru) sehingga diumumkan kelak.

| | |
|---|---|
| **S3** | **Apakah saiz dan ukuran bagi Pek Prabayar Khas PI1M** |
| J3 | 240mm (P) x 170mm (L) x 100mm (T) bagi kedua-dua jenis pek. |
| **S4** | **Apakah kelebihan menggunakan Pek Prabayar Khas PI1M** |
| J4 | Pek Prabayar Khas PI1M menawarkan penjimatan dari segi kos pembungkusan dan harga dan serta menjadikan proses pengeposan melalui Pos Laju lebih mudah dan cepat. |
| **S5** | **Bolehkah saya menggunakan Pek Prabayar Khas PI1M Biru (dari Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak (vice versa) untuk penghantaran dalam Semenanjung Malaysia?** |
| J5 | Ya, boleh. Tetapi Pek Prabayar Khas PI1M Merah tidak boleh dihantar ke kawasan liputan penghantaran Pek Prabayar Khas PI1M Biru.<br><br>*Nota : Pihak kami tidak akan membayar lebihan harga. |

| | |
|---|---|
| **S6** | **Dimanakah Pelanggan dapat membeli Pek Prabayar Khas PI1M?** |
| J6 | Hanya di Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) yang sudah menjadi Ejen Berdaftar Pos. |
| **S7** | **Bagaimana menggunakan Pek Prabayar Khas PI1M?** |
| J7 | 1. Beli Pek Prabayar Khas PI1M dan pastikan Pek Prabayar tersebut adalah mengikut keperluan (destinasi, saiz, ukuran).<br>2. Masukkan isi kandungan ke dalam Pek Prabayar Khas PI1M dan lekatkan penutup dengan kemas dan ketat.<br>3. Isi Borang Kiriman Domestik dan masukkan ke dalam poket plastik yang disediakan.<br>4. Hantar item ke kaunter Pos Laju terdekat. |
| **S8** | **Adakah Pos Laju akan menerima Pek Prabayar Khas PI1M jika berat isi kandungan melebihi berat yang ditetapkan?** |
| J8 | Ya. Pihak Pos Laju tetap akan menerima Pek Prabayar Khas PI1M selagi bentuknya tidak berubah atau terkoyak. Bagaimanapun, pihak Pos Laju tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kerosakan dan kehilangan barang yang disebabkan oleh isi kandungan melebihi had berat yang ditetapkan. |
| **S9** | **Bolehkah saya gunakan Pek Prabayar Khas PI1M untuk menghantar item ke luar negara?** |
| J9 | Tidak boleh, Pek Prabayar Khas PI1M hanya boleh digunakan di dalam negara Malaysia sahaja. |
| **S10** | **Bolehkah saya gunakan Pek Prabayar Khas PI1M untuk *Time Certain Service* (TCS)?** |
| J10 | Pek Prabayar Khas PI1M hanyalah untuk perkhidmatan *Next Day Delivery* dan tidak boleh digunakan untuk perkhidmatan premium Pos Laju yang lain seperti *Same Day Delivery, Time Certain Service* atau *Putrajaya Express.* |
| **S11** | **Adakah pengiraan volumetrik digunapakai untuk Pek Prabayar Khas PI1M?** |
| J11 | Tidak. Pengiraan volumetrik tidak digunapakai untuk Pek Prabayar Khas PI1M. |
| **S12** | **Bolehkah pelanggan kontrak membeli Pek Prabayar Khas PI1M** |
| J12 | Boleh. Pelanggan kontrak boleh membeli Pek Prabayar Khas PI1M. |
| **S13** | **Adakah Pos Laju Flyers Pack sama dengan Pek Prabayar Khas PI1M?** |
| J13 | Tidak sama kerana harga Pos Laju Flyers tidak termasuk dengan harga pengeposan. |

| | |
|---|---|
| **S14** | **Jika saya menggunakan Pek Prabayar Khas PI1M, bolehkah saya mengambil perlindungan insurans dengan Pos Laju?** |
| J14 | Boleh. Pembelian insurans ditawarkan untuk semua produk Pos Laju. |
| **S15** | **Adakah saya boleh menuntut gantirugi sekiranya isi kandungan didapati rosak apabila dimasukkan ke dalam Pek Prabayar Khas PI1M?** |
| J15 | Boleh. Dengan syarat kerosakan itu disahkan berlaku akibat kecuaian Pos Laju.<br>Pos Laju tidak akan bertanggungjawab jika kerosakan disebabkan Pek Prabayar Khas PI1M tidak dapat menampung berat isi kandungan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk memastikan pembungkusan yang sesuai dengan isi kandungan yang ingin diposkan sekiranya mendapati Pek Prabayar Khas PI1M tidak sesuai dengan isi kandungan tersebut. |
| **S16** | **Adakah pengendalian item saya berbeza jika saya menggunakan Pek Prabayar Khas PI1M?** |
| J16 | Kendalian item adalah seperti amalan biasa. |
| **S17** | **Adakah terdapat nombor rujukan untuk Jejak & Kesan *(Track & Trace)* Pek Prabayar Khas PI1M yang telah dihantar?** |
| J17 | Ya. Anda boleh menjejaki Pek Prabayar Khas PI1M berdasarkan nombor rujukan yang tertera di atas Borang Kiriman Domestik (warna ungu). |
| **S18** | **Bagaimana saya ingin menjejaki item yang telah dihantar menggunakan Pek Prabayar Khas PI1M?** |
| J18 | Item yang telah dihantar boleh dijejaki di laman web www.poslaju.com.my dan www.pos.com.my atau boleh hubungi Pos Line 1-300-300-300 |
| **S19** | **Adakah Pek PrabayarKhas PI1M menyediakan bukti penerimaan & penghantaran (POD)?** |
| J19 | Ya. Terdapat bukti penghantaran dan penerimaan untuk Pek Prabayar Khas PI1M dan ia boleh diperolehi di laman web www.poslaju.com.my and www.pos.com.my. |
| **S20** | **Apakah yang akan berlaku sekiranya Pek Prabayar Khas PI1M gagal dihantar kepada penerima pada keesokan hari? Adakah saya dapat menuntut ganti rugi?** |
| J20 | Pos Laju akan membuat penghantaran mengikut kaedah standard dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagaimanapun, tuntutan kelewatan boleh dengan pemulangan semula 50% dari nilai harga Pek Prabayar Khas PI1M namun tuntutan kelewatan adalah tertakluk kepada serahan di dalam liputan Pos Laju sahaja. |

| | |
|---|---|
| **S21** | **Adakah Pos Laju akan memberi pampasan sekiranya isi kandungan di dalam Pek Prabayar Khas PI1M rosak atau hilang?** |
| J21 | Pos Laju akan memberi pampasan sekiranya isi kandungan hilang atau rosak tertakluk kepada Terma dan Syarat seperti yang tertera di belakang Borang Kiriman Domestik.<br>Selain daripada yang di atas, pampasan tidak akan diberikan sekiranya terbukti isi kandungan rosak atau hilang kerana melebihi had berat yang ditetapkan. |
| **S22** | **Jika saya terhilangkan Borang Kiriman Domestik Prabayar, di manakah saya boleh dapatkan borang baru?** |
| J22 | Borang Kiriman Domestik Prabayar (warna ungu) didatangkan bersama-sama dengan Pek Prabayar Khas PI1M**.** Sekiranya Borang Kiriman Domestik Prabayar hilang, Pelanggan perlu membeli Pek Prabayar Khas yang baharu. |
| **S23** | **Saya telah membeli Pek Prabayar Khas Pi1M di kaunter Pi1M, tetapi saya dapati ia terkoyak apabila telah sampai di rumah. Bolehkah saya mendapatkan gantian Pek Prabayar Khas Pi1M yang baru?** |
| J23 | Pek Prabayar Khas PI1M yang telah dijual adalah dalam keadaan yang baik. Oleh itu Pelanggan adalah dinasihatkan supaya memeriksa Pek Prabayar Khas PI1M sebelum meninggalkan kaunter. |
| **S24** | **Saya menerima Pek Prabayar Khas PI1M daripada kawan saya, bolehkah saya menggunakannya semula untuk penghantaran baharu?** |
| J24 | Tidak boleh, semua Pek Prabayar Khas PI1M yang telah digunakan akan dicap semasa penghantaran sebagai bukti. Oleh itu Pek Prabayar Khas PI1M yang telah dicap atau telah dikoyakkan tidak akan diterima untuk penghantaran baharu. |
| **S25** | **Apakah kelebihan Pek Prabayar Khas PI1M berbanding Pos Ekspres?** |
| J25 | 1. Pek Prabayar Khas PI1M mempunyai bukti serahan kepada penerima manakala serahan Pos Ekspres adalah dengan memasukkan ke dalam peti surat penerima.<br>2. Pos Laju juga menawarkan penghantaran kali kedua bagi Pek Prabayar Khas PI1M.<br>3. Perkhidmatan Pungutan disediakan untuk Pek Prabayar Khas Pi1M dengan surcaj RM5.30.<br>4. Pos Laju akan memberi pampasan sekiranya hilang atau rosak tertakluk kepada Terma dan Syarat seperti yang tertera di belakang Borang Kiriman Domestik manakala gantian sampul Pos Ekspres dengan nilai yang sama jika berlaku kelewatan dan kehilangan sahaja. |